



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**
GREED : **Q5**
SKIM PERKHIDMATAN : **PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
TARAF JAWATAN : **KONTRAK**
LOKASI : **JOHOR BAHRU**

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : **RM1,650.00 – RM6,620.00**
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : **RM145.00**
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM : **RM160.00**
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN : **RM300.00**
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP : **RM350.00**

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek sains.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM1,650.00); atau
- (ii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam jurusan Sains atau aliran Teknikal yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM1,650.00); atau
- (iii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM1,650.00); atau
- (iv) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM1,650.00); atau
- (v) Diploma Sains yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM1,974.00); atau
- (vi) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM1,974.00); atau
- (vii) Diploma Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Mempunyai pengetahuan asas berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan peruntukan, perakaunan atau pentadbiran kewangan organisasi.
3. Berkebolehan mengendalikan sistem kewangan, pangkalan data atau aplikasi berkaitan pengurusan kewangan dan rekod penyelidikan.
4. Mempunyai kemahiran menggunakan perisian komputer seperti Microsoft Office (Word, Excel dan PowerPoint) serta berkebolehan menyediakan laporan dan dokumentasi kewangan.
5. Berkebolehan mengurus, menyemak dan menganalisis data kewangan dengan teliti serta mempunyai tahap integriti dan kerahsiaan yang tinggi.
6. Mempunyai kemahiran bekerja secara berpasukan, berorientasikan pelanggan dan mampu mengurus tugas mengikut tempoh yang ditetapkan

DESKRIPSI TUGAS:

1. Membantu melaksanakan proses penerimaan, semakan dan agihan peruntukan geran penyelidikan mengikut prosedur dan garis panduan universiti.
2. Membantu menyemak serta mengurus dokumen kewangan seperti invois, bil tuntutan, resit dan rekod berkaitan penyelidikan.
3. Melaksanakan pemantauan berkaitan pengurusan kewangan projek penyelidikan termasuk penyaluran peruntukan dan status perbelanjaan projek.
4. Membantu menyediakan laporan kewangan, dokumentasi dan maklumat berkaitan bagi tujuan audit, pemantauan dan pelaporan pengurusan.
5. Membantu mengendalikan isu teknikal berkaitan sistem kewangan dan pangkalan data penyelidikan serta berhubung dengan pihak berkaitan sekiranya diperlukan.
6. Membantu mengurus proses penutupan akaun projek penyelidikan serta memastikan rekod berkaitan dikemaskini secara sistematik.
7. Menyelaras urusan mesyuarat, penyediaan minit mesyuarat dan tindakan susulan berkaitan pengurusan kewangan penyelidikan.
8. Memastikan semua urusan kewangan mematuhi pekeliling Universiti, garis panduan penaja dan prosedur kewangan semasa.
9. Memantau bil tuntutan yang belum selesai serta mengambil tindakan susulan termasuk pengeluaran surat peringatan.
10. Memberi cadangan penambahbaikan terhadap sistem kewangan dan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan pengurusan.
11. Terlibat dalam proses audit kewangan, audit penyelidikan serta aktiviti penilaian seperti MYRA dan sebagainya.
12. Membantu melaksanakan program, aktiviti dan tugas rasmi jabatan dari semasa ke semasa mengikut arahan pengurusan.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian <https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/> dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.